

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN (MQT)**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [ MERBOK ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah punca sebenar kejadian seorang remaja maut selepas terkena renjatan elektrik ketika mengecas telefon bimbitnya menggunakan soket di dalam sebuah bas ekspres di Terminal Bas Penang yang berlaku baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan daripada laporan kemalangan yang menimpa seorang remaja berumur 18 tahun yang maut akibat renjatan elektrik, Kementerian Pengangkutan (MOT) pada 4 November 2024 iaitu pada Isnin yang lalu, telah menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas untuk meneliti insiden ini. Pasukan Petugas Khas ini yang diketuai oleh MOT, turut dianggotai oleh:
  - i. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
  - ii. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD);
  - iii. Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS);
  - iv. PUSPAKOM; dan
  - v. Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM).
2. Sebagai langkah awalan dan amalan prosedur biasa, MOT melalui APAD telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada pengendali bas ekspres yang terlibat pada 4 November 2024 yang mana syarikat perlu mengemukakan maklum balas kepada APAD dalam tempoh masa tiga (3) hari bekerja iaitu selewat-lewatnya pada 6 November 2024. STS bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas mengenai kemalangan daripada pihak pengusaha bas.
3. JPJ juga telah menjalankan siasatan dan pemeriksaan ke atas badan bas tersebut pada 5 November 2024 di Butterworth, Pulau Pinang. Siasatan ini juga turut disertai oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pada 6 November 2024, wakil ST, JPJ, MIROS, SIRIM dan APAD juga telah melakukan pemeriksaan awal ke atas syarikat pembuat bas terlibat (*coach builder*). Laporan lengkap mengenai punca insiden akan disediakan oleh Pasukan Petugas Khas setelah siasatan menyeluruh siap sepenuhnya.
4. Saya telah memberikan masa selama 14 hari kepada Pasukan Petugas Khas untuk menyediakan laporan tersebut dan punca sebenar insiden ini akan diketahui setelah laporan ini lengkap dan diserahkan

**NO SOALAN (MQT) : 3**

kepada MOT. Saya akan mengumumkan secara terperinci hasil laporan itu nanti.

Sekian, terima kasih.